NOTIS PENGEMASKINIAN MAKLUMAT / DATA PENDAFTARAN KONTRAKTOR DI MAJLIS DAERAH MARAN BAGI TAPISAN KERJA-KERJA UNDI PROJEK TAHUN 2025

1. Kontraktor-kontraktor hendaklah mendaftarkan Lesen Kontraktor dengan Majlis Daerah Maran bagi Tahun 2025 dengan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dengan Gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dalam tempoh yang sah. Pihak kontraktor juga wajib mengemukakan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate (TCC))** dengan status PATUH.

2. Kontraktor yang telah **tamat pendaftaran, tidak membaharui lesen, tidak mengemaskini maklumat / data di Majlis Daerah Maran dan telah mendapat kerja** dengan Majlis Daerah Maran (MDM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Daerah dan Tanah dalam Daerah Maran bagi Tahun 2025 **TIDAK LAYAK** menyertai undian ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" TELITI PASTI BERKUALITI "

Saya yang menjalankan amanah,

Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff @ Ahmat, AMP.
YANG DIPERTUA
Majlis Daerah Maran

Tarikh : 13 Oktober 2025